

**PENGAPLIKASIAN ETIKA KERJA ISLAM
OLEH PENGAMAL PERHUBUNGAN AWAM DI
ORGANISASI BERTERASKAN ISLAM DI
MALAYSIA**

NUR NASLIZA ARINA BINTI MOHAMAD NASIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**PENGAPLIKASIAN ETIKA KERJA ISLAM
OLEH PENGAMAL PERHUBUNGAN AWAM DI
ORGANISASI BERTERASKAN ISLAM DI
MALAYSIA**

oleh

**NUR NASLIZA ARINA BINTI MOHAMAD
NASIR**

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2018

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah, Tuhan seru sekalian alam yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dengan izin dan ihsan-Nya memberikan keizinan dan kekuatan buat diri ini dalam menyiapkan tesis dengan sebaiknya. Selawat dan salam buat junjungan mulia Rasulullah SAW, idola ikutan umat sepanjang zaman. Terima kasih diucapkan kepada ibu dan ayah di atas pengorbanan, sokongan dan doa restu yang tidak pernah putus buat diri ini. Buat pensyarah yang dihormati, Prof Dr. Jamilah Hj. Ahmad, terima kasih di atas tunjuk ajar dan ilmu yang dicurahkan penuh ikhlas tanpa jemu buat diri ini yang serba kekurangan. Kepada ahli keluarga dan sahabat yang tersayang, terima kasih di atas tiupan semangat yang diberikan.

ISI KANDUNGAN

| | |
|----------------------|-----|
| Penghargaan..... | ii |
| Isi Kandungan..... | iii |
| Senarai Jadual..... | ix |
| Senarai Rajah..... | x |
| Senarai Akronim..... | xi |
| Abstrak..... | xii |
| Abstract..... | xiv |

BAB 1 – PENGENALAN

| | | |
|-----|---|----|
| 1.0 | Pendahuluan..... | 1 |
| 1.1 | Latar Belakang Kajian..... | 1 |
| 1.2 | Permasalahan Kajian..... | 6 |
| 1.3 | Objektif Kajian..... | 11 |
| 1.4 | Persoalan Kajian..... | 12 |
| 1.5 | Kepentingan Kajian..... | 14 |
| 1.6 | Skop Kajian..... | 16 |
| 1.7 | Definisi Konseptualisasi..... | 17 |
| | 1.7.1 Etika Kerja Islam..... | 18 |
| | 1.7.2 Pengamal Perhubungan Awam..... | 18 |
| | 1.7.3 Organisasi Berteraskan Islam..... | 19 |
| | 1.7.4 Prinsip Maqasid Syariah..... | 19 |
| 1.8 | Rumusan Bab..... | 19 |
| 1.9 | Susun Atur Tesis..... | 20 |

BAB 2 – KAJIAN LITERATUR

| | | |
|----------|---|-----|
| 2.0 | Pendahuluan..... | 22 |
| 2.1 | Etika Kerja..... | 23 |
| 2.2 | Etika Kerja Islam..... | 27 |
| 2.2.1 | Nabi Muhammad S.A.W Model Etika Islam..... | 32 |
| 2.2.2 | Etika Kerja Islam di Malaysia..... | 38 |
| 2.2.3 | Konsep Etika Kerja Islam..... | 43 |
| 2.2.4 | Prinsip dan Nilai Etika Kerja Islam..... | 50 |
| 2.2.5 | Keberkesanan Pengaplikasian Etika Kerja Islam..... | 55 |
| 2.3 | Perhubungan Awam..... | 59 |
| 2.3.1 | Sejarah dan Perkembangan Perhubungan Awam di Malaysia..... | 65 |
| 2.3.2 | Perhubungan Awam Luar Negara..... | 70 |
| 2.3.3 | Profesion Perhubungan Awam Masa Kini..... | 79 |
| 2.3.4 | Peranan dan Tugas Pengamal Perhubungan Awam..... | 87 |
| 2.3.5 | Etika Perhubungan Awam..... | 96 |
| 2.4 | Organisasi Berteraskan Islam di Malaysia..... | 107 |
| 2.5 | Kerangka Teori..... | 110 |
| 2.5.1 | Teori Etika Miskawayh..... | 110 |
| 2.5.1(a) | Ketokohan Miskawayh Dalam Bidang Etika..... | 110 |
| 2.5.1(b) | Rasional Pemilihan Teori Etika Miskawayh..... | 114 |
| 2.5.1(c) | Konsep dan Idea Etika Miskawayh yang Digunakan..... | 122 |
| 2.5.2 | Maqasid Syariah..... | 129 |
| 2.5.2(a) | Prinsip Maqasid Syariah..... | 131 |
| 2.5.3 | Empat Model Perhubungan Awam oleh Grunig dan Hunt (1984)... | 134 |
| 2.5.4 | Kerangka Konseptual Kajian..... | 138 |

BAB 3 – METODOLOGI

| | | |
|----------|--|-----|
| 3.0 | Pendahuluan..... | 148 |
| 3.1 | Kaedah Penyelidikan..... | 148 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian..... | 151 |
| 3.3 | Kaedah Pengumpulan Data..... | 152 |
| 3.3.1 | Temu Bual Mendalam Secara Bersemuka..... | 152 |
| 3.3.1(a) | Kaedah Pensampelan..... | 153 |
| 3.3.1(b) | Justifikasi Pemilihan Informan..... | 154 |
| 3.3.1(c) | Justifikasi Pemilihan 10 Organisasi Berteraskan Islam..... | 155 |
| 3.3.1(d) | Limitasi Pemilihan Sampel..... | 160 |
| 3.3.1(e) | Protokol Temu Bual Mendalam Secara Bersemuka..... | 160 |
| 3.3.1(f) | Kajian Rintis..... | 160 |
| 3.3.2 | Penelitian Dokumen..... | 162 |
| 3.3.2(a) | Justifikasi Pemilihan Dokumen..... | 163 |
| 3.4 | Kaedah Penganalisan Data..... | 164 |
| 3.5 | Rumusan Bab..... | 166 |

BAB 4 – DAPATAN KAJIAN

| | | |
|----------|---|-----|
| 4.0 | Pendahuluan..... | 167 |
| 4.0.1 | Maklumat Informan..... | 168 |
| 4.1 | Sejauhmanakah Pengaplikasian Etika Kerja Islam oleh Pengamal Perhubungan Awam Berdasarkan Teori Etika Miskawayh?..... | 169 |
| 4.1.1 | Konsep Etika Kerja Islam..... | 170 |
| 4.1.1(a) | Bekerja berlandaskan syariat agama dan nilai-nilai Islam..... | 170 |
| 4.1.1(b) | Bekerja sebagai ibadah..... | 172 |
| 4.1.1(c) | Merupakan satu sistem kepercayaan moral..... | 173 |

| | | |
|----------|--|-----|
| 4.1.1(d) | Bersifat Universal..... | 174 |
| 4.1.1(e) | Melibatkan jiwa yang baik dan bersih..... | 175 |
| 4.1.2 | Nilai-Nilai Etika Kerja Islam..... | 175 |
| 4.1.2(a) | Kebijaksanaan..... | 176 |
| 4.1.2(b) | Keberanian..... | 178 |
| 4.1.2(c) | Kesucian Diri..... | 179 |
| 4.1.2(d) | Keadilan..... | 181 |
| 4.1.3 | Faktor-Faktor Pengaplikasian Etika Kerja Islam..... | 183 |
| 4.1.3(a) | Pegangan agama yang mantap..... | 183 |
| 4.1.3(b) | Kemahuan diri sendiri..... | 184 |
| 4.1.3(c) | Mengambil berat terhadap rawatan rohani..... | 185 |
| 4.1.3(d) | Hidup bermasyarakat..... | 186 |
| 4.1.3(e) | Bersahabat dengan individu yang baik..... | 187 |
| 4.1.3(f) | Berada dalam lingkungan persekitaran yang Islamik..... | 189 |
| 4.1.4 | Strategi-Strategi Pengaplikasian Etika Kerja Islam..... | 196 |
| 4.1.4(a) | Usaha berterusan diri sendiri..... | 197 |
| 4.1.4(b) | Pembelajaran daripada persekitaran..... | 198 |
| 4.2 | Sejauhmanakah pengaruh Etika Kerja Islam dalam amalan perhubungan awam?..... | 199 |
| 4.2.1 | Peranan dan tugas pengamal perhubungan awam..... | 199 |
| 4.2.1(a) | Fasilitator Komunikasi..... | 199 |
| 4.2.1(b) | Fasilitator Penyelesai Masalah..... | 200 |
| 4.2.1(c) | Juruteknik Komunikasi..... | 201 |
| 4.2.1(d) | Pakar Penentu..... | 202 |
| 4.2.2 | Pengaruh Etika Kerja Islam Dalam Amalan Perhubungan Awam...202 | |
| 4.2.2(a) | Profesionalisme..... | 203 |

| | | |
|----------|---|-----|
| 4.2.2(b) | Motivasi Diri..... | 204 |
| 4.2.2(c) | Kualiti Kerja..... | 205 |
| 4.2.2(d) | Integriti..... | 206 |
| 4.3 | Sejauhmanakah kepentingan pengaplikasian Etika Kerja Islam Dalam profesion perhubungan awam?..... | 206 |
| 4.4 | Adakah Etika Kerja Islam yang diaplikasikan oleh pengamal perhubungan awam menepati Prinsip Maqasid Shariah?..... | 210 |
| 4.4.1 | Memelihara agama..... | 210 |
| 4.4.2 | Memelihara nyawa..... | 213 |
| 4.4.3 | Memelihara akal..... | 214 |
| 4.4.4 | Memelihara keturunan..... | 215 |
| 4.4.5 | Memelihara Harta..... | 216 |
| 4.5 | Apakah bentuk kerangka etika berdasarkan prinsip Maqasid Syariah dalam pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam yang bersesuaian untuk dicadangkan?..... | 217 |
| 4.6 | Rumusan Bab..... | 217 |

BAB 5 – PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.0 | Pendahuluan..... | 219 |
| 5.1 | Perbincangan..... | 219 |
| 5.1.1 | Untuk mengkaji pengaplikasian Etika Kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam berdasarkan Teori Etika Miskawayh..... | 220 |
| 5.1.2 | Untuk menilai pengaruh Etika Kerja Islam dalam amalan perhubungan awam..... | 225 |
| 5.1.3 | Untuk mengkaji kepentingan etika kerja Islam dalam profesion perhubungan awam..... | 228 |
| 5.1.4 | Untuk menganalisa Prinsip Maqasid Shariah yang diamalkan oleh pengamal perhubungan awam dalam mempraktikkan Etika Kerja Islam..... | 229 |

| | | |
|---------------------|--|------------|
| 5.1.5 | Untuk mencadangkan kerangka etika berdasarkan Prinsip Maqasid Shariah dalam pengaplikasian Etika Kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam..... | 231 |
| 5.2 | Perkaitan Kajian Dengan Teori..... | 239 |
| 5.3 | Kesimpulan..... | 245 |
| 5.4 | Limitasi..... | 246 |
| 5.5 | Cadangan Untuk Kajian Masa Depan..... | 247 |
| 5.6 | Rumusan..... | 247 |
| RUJUKAN..... | | 248 |
| LAMPIRAN | | |

SENARAI JADUAL

| | | Halaman |
|--------------|---|----------------|
| Jadual 2.1 | Justifikasi Pengukuran Etika Kerja Islam Miskawayh | 138 |
| Jadual 2.2 | Peranan Pengamal Perhubungan Awam Broom & Dozier | 142 |
| Jadual 2.3 | Empat Model Perhubungan Awam Grunig & Hunt | 143 |
| Jadual 2.4 | Justifikasi Pengukuran Etika Kerja Islam Mengikut Prinsip Maqasid Syariah | 145 |
| Jadual 3.1 | Soalan Kajian Rintis | 161 |
| Jadual 4.0.1 | Maklumat Informan | 169 |

SENARAI RAJAH

| | | Halaman |
|-----------|--|----------------|
| Rajah 2.1 | Nilai-nilai Etika Kerja Islam oleh Azharsyah dan Nor ‘Azzah (2013) | 52 |
| Rajah 2.2 | Kerangka Konseptual Kajian | 147 |
| Rajah 3.1 | Peringkat Analisis Tematik | 166 |
| Rajah 5.1 | Pengaplikasian Etika Kerja Islam oleh Pengamal Perhubungan Awam | 224 |
| Rajah 5.2 | Kerangka Etika berdasarkan Prinsip Maqasid Syariah dalam pengaplikasian Etika Kerja Islam oleh Pengamal Perhubungan Awam | 238 |

SENARAI AKRONIM

| | |
|-------|---|
| BIMB | Bank Islam Malaysia Berhad |
| DQ | Darul Quran |
| EKI | Etika Kerja Islam |
| IKIM | Institut Kefahaman Islam Malaysia |
| IPRA | Institut Perhubungan Raya Antarabangsa |
| IPRM | Institut Perhubungan Raya Malaysia |
| IWE | Etika Kerja Islam |
| JAKIM | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| KITAB | Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang |
| MAIWP | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan |
| PWE | Etika Kerja Protestan |
| SAW | <i>Sallallahu alaihi wasallam</i> |
| SPRM | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia |
| SWT | <i>Subhanahuwataala</i> |
| UIAM | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| USAS | Universiti Sultan Azlan Shah |
| USIM | Universiti Sains Islam Malaysia |
| YADIM | Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia |

**PENGAPLIKASIAN ETIKA KERJA ISLAM OLEH PENGAMAL
PERHUBUNGAN AWAM DI ORGANISASI BERTERASKAN ISLAM DI
MALAYSIA**

ABSTRAK

Pengamal perhubungan awam merupakan perantara atau mediator di antara organisasi dengan publik. Dengan itu etika merupakan di antara elemen terpenting untuk dititikberatkan oleh pengamal perhubungan awam dalam menjalankan tugasnya. Isu-isu etika seperti mengendalikan aktiviti profesional dengan menghormati kepentingan publik serta sentiasa bersikap adil dan jujur terhadap pelanggan dan organisasi adalah merupakan isu etika yang bukan sahaja dituntut oleh masyarakat malah oleh organisasi selaku majikan. Kajian ini mempunyai lima objektif iaitu (1) untuk mengkaji pengaplikasian etika kerja Islam oleh Pengamal Perhubungan Awam berdasarkan Teori Etika Miskawayh; (2) untuk menilai pengaruh etika kerja Islam dalam amalan Perhubungan Awam; (3) untuk mengkaji kepentingan etika kerja Islam dalam profesion perhubungan awam; (4) untuk menganalisa Prinsip Maqasid Syariah yang diterapkan oleh Pengamal Perhubungan Awam dalam mempraktikkan etika kerja Islam; serta (5) untuk mencadangkan kerangka etika berdasarkan prinsip Maqasid Syariah dalam pengaplikasian etika kerja Islam oleh Pengamal Perhubungan Awam. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui temu bual mendalam secara bersemuka beserta penelitian dokumen dalam mendapatkan maklum balas daripada responden yang dikenal pasti. Bagi temu bual mendalam secara bersemuka, responden yang terlibat adalah merupakan 10 orang pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi berteraskan Islam yang terpilih di Malaysia. Penelitian dokumen pula

adalah melibatkan penelitian ke atas laman web rasmi organisasi serta laporan tahunan dan buletin bulanan organisasi yang bertujuan mengesahkan dapatan kajian yang diperolehi melalui temu bual mendalam sekiranya perlu. Hasil kajian mendapati, pengaplikasian Etika Kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam adalah menyeluruh dan bertepatan dengan Teori Etika Miskawayh. Hasil kajian juga mendapati, terdapat nilai etika kerja Islam khusus yang perlu diaplikasikan dalam profesion perhubungan awam iaitu nilai kebijaksanaan dan kesucian diri di samping organisasi merupakan faktor utama yang mendorong dan memotivasikan pengamal perhubungan awam untuk mengaplikasikan etika kerja Islam. Di samping itu, hasil kajian juga memperlihatkan, etika kerja Islam sememangnya memberikan pengaruh yang positif dalam amalan perhubungan awam dari sudut profesionalisme, motivasi diri, kualiti kerja serta integriti diri pengamal perhubungan awam itu sendiri. Selain itu, hasil kajian juga mendapati, etika kerja Islam yang diaplikasikan oleh pengamal perhubungan awam adalah bertepatan dengan prinsip Maqasid Syariah yang memfokus kepada penjagaan lima unsur penting di dalam *Al-Dharuriyat Al-Khams* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Secara keseluruhannya, etika kerja Islam didapati dapat membantu pengamal perhubungan awam menjalankan tugas yang diamanahkan secara beretika kerana kebaikan, keistimewaan dan kelebihan yang ada padanya yang boleh dijadikan panduan dalam menjalankan tugas seharian.

**THE APPLICATION OF ISLAMIC WORK ETHICS BY PUBLIC
RELATIONS PRACTITIONERS IN ISLAMIC-BASED ORGANIZATIONS
IN MALAYSIA**

ABSTRACT

Public relation practitioners are the conciliators or mediators between organisations and the public. Therefore, ethics is one of the most important elements to be considered by public relation practitioners in performing their tasks. Ethical issues such as managing professional activities by respecting the public's needs and being fair and honest towards the customers and organisations are ethical issues that are not only demanded by the society, but also the organisation as the employer. This research has five objectives, which are (1) to study the application of Islamic Work Ethics by public relation practitioners based on Miskawayh Ethics Theory; (2) to evaluate the influence of Islamic Work Ethics in public relation practices; (3) to study the importance of Islamic work ethic in public relations profession; (4) to analyse Maqasid Syariah principle that is embedded by public relation practitioners in practicing Islamic Work Ethics; and (5) to suggest the ethical framework based on Maqasid Syariah principle in Islamic Work Ethics application by public relation practitioners. This research uses qualitative research method through face-to-face in-depth interviews, supported by documents analysis in getting the response from the identified respondents. For face-to-face in-depth interviews, the respondents are 10 public relation practitioners who are working in selected Islamic-centred organisations in Malaysia. Meanwhile, document analysis involves analysis on organisations' official website, annual report and organisations' monthly bulletins to verify the information obtained from the in-depth interview if necessary. The

findings show that the application of Islamic Work Ethics by public relation practitioners is comprehensive and aligned with Miskawayh Ethics Theory. The findings also discovered that there are specific Islamic work ethics that needs to be applied in public relation profession, which are wisdom and honourability, while the organisations is the main factor to drive and motivate public relation practitioners to apply Islamic Work Ethics. In addition, the findings also displayed that Islamic Work Ethics truly provides positive influence in public relation practices in few aspects, such as professionalism, self-motivation, quality of work and self-integrity of the public relation practitioners. Besides that, the findings also show that Islamic Work Ethics that are applied by public relation practitioners are aligned with Maqasid Syariah principle which focuses on the preservation of five important elements in Al-Dharuriyat Al-Khams which are to preserve religion, life, intellect, progeny and wealth. Generally, it is found that Islamic Work Ethics can assist public relation practitioners in performing assigned tasks ethically as the benefits, specialties and advantages within which can act as a guide in performing daily tasks.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan rangka penyelidikan kajian. Ia merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian serta definisi konseptualisasi. Secara amnya, bab ini menggambarkan idea keseluruhan penyelidikan yang ingin dijalankan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Etika kerja merupakan salah satu daripada isu yang penting dalam pengurusan organisasi kerana pencapaian organisasi banyak dipengaruhi oleh etika kerja yang diaplikasikan oleh setiap pekerjaannya (Muhammad Mustakim et al., 2014). Etika kerja juga bukanlah sekadar penglibatan diri seseorang individu itu dalam mempersiapkan keperluan dirinya sahaja tetapi ia turut melibatkan tindakan baik yang dilakukan semasa bekerja dan semua ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan ajaran agama serta tanggungjawab sebagai manusia (Megat Ayop dan Abd. Halim, 2016). Justeru, etika kerja merupakan elemen penting untuk dijaga dan dipelihara oleh setiap pekerja agar kerja yang diamanahkan oleh organisasi dan masyarakat dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Laporan Ketua Audit Negara tahun 2016 menunjukkan, berlakunya masalah dan ketirisan yang serius dalam pentadbiran awam di Malaysia terutamanya membabitkan pengurusan kewangan (Laporan Ketua Audit Negara, 2016). Masalah yang berlaku tersebut adalah berpunca daripada perbuatan salah laku dan pelanggaran etika oleh individu semasa menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya. Ini dapat dilihat apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan, ketirisan wang kerajaan dianggarkan berjumlah RM100 juta yang dipercayai membabitkan satu tempoh lebih kurang 10 tahun. SPRM juga mengenal pasti 16 bentuk penyelewengan yang kerap berlaku dalam sistem perolehan membabitkan pegawai yang diamanah dalam menguruskan hal yang berkaitan dengan urusan perolehan dan perbekalan (SPRM, 2016).

Di samping itu, masalah dan ketirisan yang serius dalam pengurusan dan pentadbiran di organisasi berteraskan Islam juga adalah membimbangkan. Organisasi berteraskan Islam adalah organisasi yang bertunjangkan kepada falsafah dan prinsip pembangunan berteraskan Islam yang bersifat holistik dan berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah, berlandaskan kepada tasawur Islam serta bersumberkan epistemologi Islam (Muhammad Syukri, 2002). Laporan akhbar saban hari menunjukkan pelbagai salah laku dan pelanggaran etika oleh kakitangan yang bertugas di organisasi berteraskan Islam melibatkan isu pecah amanah, rasuah dan salah laku seksual menunjukkan penghayatan nilai-nilai Islam yang rendah dalam diri mereka walaupun mereka berada dalam lingkungan persekitaran kerja yang bersifat Islamik (Berita Harian, 2017; Sinar Harian, 2017, Utusan Malaysia, 2016). Masalah ini tidak seharusnya berlaku kerana organisasi berteraskan Islam yang mereka wakili adalah mewajibkan pengaplikasian etika kerja Islam ketika menjalankan tugas di samping operasi organisasi itu sendiri yang bersifat Islamik

(Muhammad Syukri, 2002). Hal ini sepatutnya menjadikan mereka individu yang lebih menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam kerana sudah terdidik untuk berbuat demikian.

Pengamal perhubungan awam juga tidak terlepas dari dibelenggu dengan isu etika kerja. Sebagai individu yang terlibat secara langsung dan sepenuhnya dalam profesion perhubungan awam, pengamal perhubungan awam sering dikaitkan dengan pelbagai perilaku tidak beretika semasa menjalankan tugas seperti propaganda, perang jiwa, melobi dan sebagainya (Mohd Hamdan, 2010). Menurut sarjana perhubungan awam terkemuka barat, James E. Grunig, kebanyakan orang berfikir bahawa, profesion perhubungan awam mungkin boleh dianggap sebagai tidak beretika. Beliau menjelaskan, secara jujurnya, banyak amalan perhubungan awam adalah sememangnya tidak beretika. Walau bagaimanapun, ahli-ahli teori perhubungan awam menganggap bahawa perhubungan awam adalah mengenai etika, tanggungjawab sosial serta kelestarian (Grunig, 2014).

Menurut Jaffri Amin (2014), pengamal perhubungan awam adalah cerminan kepada organisasi yang diwakilinya, dan kerana itu adalah amat penting untuk pengamal perhubungan awam membawa imej diri yang baik, bersopan santun apabila berbicara dan berurusan dengan sesiapa sahaja dengan penuh keyakinan. Dalam erti kata yang lain, pengamal perhubungan awam perlu sentiasa menjaga etika kerja di setiap urusan yang dilakukan bagi menjaga bukan sahaja nama baik diri sendiri malah nama baik dan imej organisasi. Mohd Hamdan (2010) menegaskan, sesebuah negara boleh musnah seandainya kepakaran perhubungan awam disalahgunakan oleh pengamal perhubungan awam yang tidak bertanggungjawab. Beliau juga menjelaskan, jika hal tersebut tidak dikawal dengan sebaiknya, perhubungan awam boleh mengakibatkan

suasana huru-hara dalam sesebuah negara kerana ia melibatkan pelbagai kaedah dan saluran komunikasi yang sentiasa berusaha untuk mempengaruhi pendapat awam. Di antara kegiatan tidak beretika yang dilakukan oleh sesetengah pengamal perhubungan awam adalah seperti '*spin doctoring*', '*flacks*', '*astroturfing*', '*opponent defining*' dan '*fronting*'. Semua kegiatan tidak beretika tersebut berupaya menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian negara.

Dengan melihat kepada kepentingan dan keperluan bagi pengamal perhubungan awam menjalankan tugas secara beretika, etika kerja Islam dilihat berupaya membimbing dan membantu pengamal perhubungan awam untuk tujuan tersebut. Hal ini kerana, etika kerja Islam merangkumi set kepercayaan moral yang dapat membantu pekerja untuk menguruskan tanggungjawab dan melaksanakan tugasnya dengan kebolehan terbaik yang ada padanya mengikut cara yang bersesuaian berlandaskan kepada kepercayaan dan nilai-nilai Islam (Wahibur, 2010).

Menurut Abdus Sattar dan Aiza Hussain (2012), etika kerja Islam merupakan dimensi baru dalam etika pengurusan yang dapat membantu organisasi dalam memperbaiki persekitaran di tempat kerja. Pekerja yang mengamalkan etika kerja Islam memperlihatkan prestasi kerja yang lebih baik walaupun berhadapan dengan tekanan di samping menggalakkan tingkah laku kewarganegaraan dalam kalangan pekerja (Abdus Sattar dan Aiza Hussain, 2012). Etika kerja Islam juga melarang segala perilaku negatif seperti bersikap malas dan membuang masa dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak produktif dan berfaedah.

Pengkaji-pengkaji terdahulu yang banyak menjalankan kajian mengenai etika kerja Islam menjelaskan bahawa, etika kerja Islam dapat membantu dalam membezakan

apa yang betul dan apa yang salah serta menekankan kepada pengaplikasian semua tingkah laku baik yang boleh membantu organisasi dan tenaga kerja untuk berjaya dan mengekalkannya di masa depan seperti keadilan, kejujuran, kesetiaan, kemurahan hati, kebajikan, kerjasama, kreativiti, inovasi, dedikasi dan ketekunan. Etika kerja Islam juga melarang daripada melakukan semua perbuatan buruk yang boleh merosakkan organisasi dan individu. Selain itu, individu yang mengamalkan etika kerja Islam juga akan lebih berkomitmen terhadap organisasi yang diwakilinya (Rizk, 2008; Ali, 1988; Ali, 1992; Bashir, 1998; Kumar & Raduan, 2010; Yousef, 2000).

Menurut Al-Raisuni (2010), Maqasid Syariah merupakan matlamat-matlamat yang diletakkan oleh syariat dalam merealisasikan kemaslahatan umat manusia. Maqasid Syariah juga adalah bertujuan untuk mengambil segala kebaikan dan meninggalkan segala kemudaratan (Asyraf Wajdi, 2012). Perbincangan dalam Maqasid Syariah adalah meluas yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia termasuk membincangkan perihal-perihal berkaitan aspek etika (akhlak) yang seharusnya diaplikasikan oleh seseorang individu dalam menjalani kehidupan seharian (Mohd Rumaizuddin, 2012).

Di samping itu, etika kerja Islam juga adalah bertepatan dengan Prinsip Maqasid Syariah yang merupakan perkara penting yang perlu dijadikan panduan oleh setiap individu mahu pun organisasi kerana Prinsip Maqasid Syariah adalah merupakan panduan yang sempurna dalam mengurus tadbir kehidupan seseorang individu mahupun sesebuah organisasi. Menurut JAKIM (2015), Prinsip Maqasid Syariah memainkan peranan yang penting kepada seluruh umat Islam. Inti pati pandangan ini tidak berasaskan kepada aspek hukuman tetapi lebih menekankan kepada matlamat

asas syariah (Maqasid Syariah) iaitu untuk melindungi masyarakat demi menjaga kemaslahatan manusia (JAKIM, 2015). Prinsip Maqasid Syariah adalah melibatkan penjagaan lima unsur penting di dalam *Al-Dharuriyat Al-Khams* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (JAKIM, 2015).

Konsep etika kerja Islam dilihat baik dan bersesuaian untuk diaplikasikan oleh pengamal perhubungan awam kerana ia memberikan pelbagai kebaikan dan manfaat kepada individu yang mengaplikasikannya. Oleh itu, kajian ini ingin melihat pengaplikasian etika kerja Islam secara keseluruhannya oleh pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi berteraskan Islam di Malaysia serta bagaimanakah etika kerja Islam ini boleh membantu dan mempengaruhi pengamal perhubungan awam menjalankan tugas seharian mereka secara beretika. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat sejauhmanakah etika kerja Islam yang diaplikasikan oleh pengamal perhubungan awam menepati prinsip-prinsip Maqasid Syariah. Hal ini kerana, sejajar dengan seruan kerajaan yang inginkan segala aspek pengurusan dan pentadbiran mestilah bertepatan dengan prinsip-prinsip Maqasid Syariah yang dipercayai mempunyai pelbagai manfaat dan kebaikan (Najib Razak, 2017). Maka, secara tidak langsung prinsip Maqasid Syariah ini menjadi penting untuk ditekankan dalam setiap aspek pengurusan bukan sahaja di peringkat negara malah juga penting di peringkat organisasi.

1.2 Permasalahan Kajian

Perhubungan awam merupakan satu profesion yang mencabar sama ada dari segi profesionalisme, etika, pendidikan, perubahan sosial, media dan perkembangan teknologi terhadap disiplin perhubungan awam itu sendiri (Jamilah, 2010). Pengamal

perhubungan awam adalah mediator dan penghubung di antara organisasi dengan khalayak sasarannya. Maka, etika merupakan di antara elemen yang sangat penting untuk dijaga dan dipelihara oleh pengamal perhubungan awam dalam menjalankan tugas seharian. Isu-isu etika seperti mengendalikan aktiviti profesional dengan menghormati kepentingan publik serta sentiasa bersikap adil dan jujur terhadap pelanggan dan organisasi adalah merupakan isu etika yang bukan sahaja dituntut oleh masyarakat malah oleh organisasi selaku majikan (Jaffri Amin, 2014; Mohd Hamdan, 2010).

Menurut Adi Satria (2014), pengamal perhubungan awam adalah tenaga penyampai maklumat yang paling berkuasa di dunia. Mereka juga adalah cerminan kepada organisasi dan justeru itu amatlah penting untuk mereka membawa imej diri yang positif dan beretika semasa menjalankan tugas (Jaffri Amin, 2014). Amalan korporat yang tidak beretika telah memberikan kesan buruk kepada persepsi masyarakat terhadap organisasi yang akhirnya membawa kepada situasi-situasi kritikal seperti kerugian pendapatan, organisasi menjadi muflis dan tahap kecekapan pekerja menjadi rendah (Muhammad Yousuf et al., 2012). Selain itu juga, menurut Aslam (2012), pekerja adalah aset yang paling penting bagi setiap organisasi dan tingkah laku mereka bukan sahaja memberi kesan kepada diri mereka tetapi juga memberi kesan kepada prestasi organisasi.

Mutakhir ini, pelbagai masalah melibatkan etika kerja seperti mengambil rasuah dan pecah amanah dalam kalangan kakitangan yang bertugas di pelbagai organisasi sama ada di organisasi kerajaan, swasta mahu pun di organisasi berteraskan Islam semakin membimbangkan. Sebagai contoh, laporan *Utusan Malaysia* (2017) melaporkan

bahawa Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara sembilan bulan dan denda RM150,000 terhadap seorang Pegawai Hutan Daerah Jerantut kerana menerima rasuah dengan jumlah nilai keseluruhan RM340,000 dari sebuah syarikat pembalakan. Di samping itu, menurut Muhammad Mustakim et al. (2015), Laporan Ketua Audit Negara acapkali melaporkan pelbagai bentuk penyelewengan dan ketirisan dalam pengurusan organisasi dan pentadbiran awam di Malaysia. Penyelewengan dan ketirisan ini berlaku adalah disebabkan oleh perbuatan salah laku dan pelanggaran etika di dalam diri individu dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh organisasi dan masyarakat (Muhammad Mustakim et al, 2015).

Selain itu, jika dilihat di sektor korporat pula, penyelewengan dan ketirisan dalam pengurusan organisasi dapat dilihat apabila terdapat pelbagai kes melibatkan para pengurus atau eksekutif yang didapati bersalah menerima rasuah. Contohnya, dua pegawai bank dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas tuduhan menerima rasuah berjumlah RM7,000 daripada seorang individu pada September 2016 yang lalu. Kedua-dua tertuduh tersebut didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Utusan Malaysia, 2016). Manakala, penyelewengan dan ketirisan dalam pengurusan di organisasi berteraskan Islam pula dapat dilihat apabila para pengawainya dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menerima rasuah. Contoh dapat dilihat apabila dua Pegawai Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru yang bertugas di Pejabat Pendidikan Islam Daerah (PPID) Johor Bahru ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima wang rasuah daripada sebuah syarikat percetakan buku (Berita Harian, 2017). Selain itu, *Sinar Harian* (2017) melaporkan, Datuk Noor Badli Munawir Mohamad Alias Latfi, 51, yang merupakan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)

Tabung Haji Heavy Engineering Bhd. (THHE) telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas lima pertuduhan pecah amanah yang melibatkan jumlah lebih RM2.5 juta empat tahun lalu. Tuduhan tersebut adalah melibatkan pengeluaran empat cek bernilai RM400,000, RM570,000, RM430,000, RM600,000 dan RM575,800 antara April hingga Oktober 2013.

Perbuatan salah laku yang dilakukan oleh para pengurus tersebut menggambarkan akan penghayatan dan amalan etika kerja Islam yang lemah dalam diri mereka. Perbuatan tidak beretika tersebut yang dilakukan bukan sahaja menjatuhkan profesion mereka sendiri, malah turut memberi impak negatif ke atas organisasi yang mereka wakili (Muhammad Mustakim et al., 2015). Justeru, ini memperlihatkan akan kepentingan bagi pengamal perhubungan awam untuk memastikan mereka menjalankan tugas secara beretika kerana mereka merupakan cerminan kepada kakitangan yang lain di samping tugas mereka sendiri adalah untuk memastikan kakitangan organisasi menjalankan tugas secara beretika (Bernama, 2014; Jaffri Amin, 2014; Grunig, 2014). Selain itu, menurut Mohd Hamdan (2015), peranan untuk berkomunikasi, mempromosi serta menguruskan hal ehwal tanggungjawab sosial adalah di bawah bidang kepakaran pengamal perhubungan awam dan disebabkan itu profesion perhubungan awam menjadi sangat berpengaruh. Dengan itu, ia memerlukan keprofesionalan tinggi dan kod etika amalan wajib yang perlu dipatuhi demi kepentingan awam dan negara (Mohd Hamdan, 2015).

Dalam memenuhi tuntutan menjalankan tugas secara beretika oleh pengamal perhubungan awam, Wahibur (2010) dan Rizk (2008) menyatakan, etika kerja Islam mampu untuk mendidik individu sama ada majikan mahupun pekerja untuk

melaksanakan tanggungjawab secara berakhlak/beretika di samping mencadangkan sikap yang bertepatan dan seharusnya dilakukan dalam menjalankan tugas seharian. Prinsip dan nilai etika kerja Islam juga adalah bersifat universal yakni boleh diterima oleh seluruh masyarakat dunia tanpa mengira agama, warna kulit, bangsa dan keturunan. Selain itu, prinsip dan nilai etika kerja Islam juga adalah bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia serta menekankan perihal kesejahteraan dan keamanan (Muhammad Mustakim et al., 2014).

Etika kerja Islam melihat segala perbuatan baik akan dibalas dengan ganjaran pahala di samping menganggap kerja sebagai sesuatu yang bersangkutan dengan agama. Etika kerja Islam adalah berteraskan kepada empat perkara yakni usaha, persaingan, ketelusan dan tanggungjawab moral. Jika organisasi mampu untuk menerapkan empat teras etika kerja Islam tersebut dalam kalangan kakitangannya, ia akan dapat mewujudkan suasana kerja yang lebih harmoni disamping pencapaian dapat ditingkatkan. Selain itu, etika kerja Islam adalah meliputi segala perkara yang tidak hanya terhad kepada perkara yang berkaitan dengan hal ekonomi malah ia lebih bersifat universal (Muhammad Mustakim et al., 2015).

Di samping itu, etika kerja Islam juga dilihat menepati prinsip-prinsip Maqasid Syariah yang sememangnya penting untuk diikuti oleh semua pihak. Hal ini kerana, prinsip Maqasid Syariah adalah kunci utama bagi membantu melancarkan tadbir urus sesebuah organisasi melalui peranan pembentukan seseorang individu sehingga kepada sebuah negara yang sempurna (JAKIM, 2015). Prinsip Maqasid Syariah juga adalah bertujuan bagi mencapai segala kepentingan (manfaat) dan keperluan manusia serta menangkis atau menghalang segala bentuk kerosakan. Oleh itu, kajian ini ingin

melihat sejauhmanakah pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi berteraskan Islam di Malaysia serta bagaimanakah etika kerja Islam membantu dan mempengaruhi pengamal perhubungan awam menjalankan tugas mereka. Pengamal perhubungan awam yang terlibat tidak tertakluk kepada jantina, bangsa dan agama tertentu tetapi berdasarkan kepada jawatan, tugas serta kreadibilitinya sebagai seorang pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi berteraskan Islam yang terpilih tersebut. Di samping itu, kajian ini juga ingin melihat adakah etika kerja Islam yang diaplikasikan tersebut menepati prinsip-prinsip Maqasid Syariah. Hal ini kerana Maqasid Syariah merupakan perkara penting untuk diterapkan dalam setiap aspek kehidupan manusia kerana ia merupakan tuntutan wajib yang perlu diikuti demi kepentingan diri seseorang individu tersebut dan juga demi kepentingan sejagat (JAKIM, 2015). Secara khususnya, kajian ini mempunyai empat tujuan utama seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian di bawah.

1.3 Objektif Kajian

Secara khususnya, terdapat lima objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu:

1. Untuk mengkaji pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam berdasarkan Teori Etika Miskawayh.
2. Untuk menilai pengaruh etika kerja Islam dalam amalan perhubungan awam.
3. Untuk mengkaji kepentingan etika kerja Islam dalam profesion perhubungan awam.

4. Untuk menganalisis Prinsip Maqasid Syariah yang diterapkan oleh pengamal perhubungan awam dalam mempraktikkan etika kerja Islam.
5. Untuk mencadangkan kerangka etika berdasarkan prinsip Maqasid Syariah dalam pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah soalan yang dikemukakan oleh pengkaji bagi memastikan objektif kajian tercapai. Terdapat lima persoalan kajian yang telah dibentuk dalam kajian ini iaitu:

Persoalan Kajian 1: Sejauhmanakah pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam berdasarkan Teori Etika Miskawayh?

Persoalan kajian ini dibentuk oleh pengkaji adalah kerana pengkaji ingin melihat secara keseluruhannya bagaimanakah etika kerja Islam diaplikasikan dalam profesion perhubungan awam. Perkara-perkara penting yang menjadi teras utama dalam etika kerja Islam merangkumi (a) konsep etika kerja Islam; (b) nilai-nilai etika kerja Islam; (c) faktor-faktor yang mempengaruhi etika kerja Islam; serta (d) strategi-strategi pengaplikasian etika kerja Islam turut dikemukakan dalam persoalan kajian ini agar etika kerja Islam yang diaplikasikan oleh pengamal perhubungan awam dapat dikaji dan dilihat secara menyeluruh.

Persoalan Kajian 2: Sejauhmanakah pengaruh etika kerja Islam dalam amalan perhubungan awam?

Persoalan ini dibentuk adalah kerana pengkaji ingin mengetahui bagaimanakah etika kerja Islam mempengaruhi pengamal perhubungan awam dalam menjalankan tugas mereka yang difokuskan kepada empat peranan utama iaitu sebagai pakar penentu, fasilitator komunikasi, fasilitator penyelesaian masalah serta juruteknik komunikasi. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat sejauhmanakah etika kerja Islam berupaya membantu pengamal perhubungan awam menjalankan tugas mereka secara beretika.

Persoalan Kajian 3: Sejauhmanakah kepentingan pengaplikasian etika kerja Islam dalam profesion perhubungan awam?

Persoalan ini dibentuk adalah kerana pengkaji ingin melihat adakah etika kerja Islam penting untuk diaplikasikan dalam profesion perhubungan awam atau sebaliknya. Selain itu, pengkaji ingin mengkaji, adakah terdapat nilai-nilai etika kerja Islam tertentu yang perlu dan mesti diaplikasikan dalam profesion perhubungan awam. Hal ini kerana, kajian terdahulu telah membuktikan bahawa terdapat nilai-nilai etika kerja Islam tertentu yang wajib diaplikasikan dalam profesion-profesion tertentu seperti nilai menyampaikan dan kejelasan yang merupakan nilai-nilai etika kerja Islam yang wajib diaplikasikan dalam profesion perguruan.

Persoalan Kajian 4: Sejauhmanakah etika kerja Islam yang diaplikasikan oleh pengamal perhubungan awam menepati prinsip Maqasid Shariah?

Persoalan ini dibentuk adalah kerana pengkaji ingin melihat sejauhmanakah etika kerja Islam yang diaplikasikan oleh pengamal perhubungan awam menepati Prinsip Maqasid Syariah yang memfokus kepada penjagaan lima unsur penting di dalam *Al-Dharuriyat Al-Khams* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Persoalan Kajian 5: Apakah bentuk kerangka etika berdasarkan prinsip Maqasid Syariah dalam pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam yang bersesuaian untuk dicadangkan?

Persoalan ini dibentuk adalah kerana pengkaji ingin mengenal pasti apakah bentuk kerangka etika kerja Islam yang bersesuaian untuk dicadangkan bagi kegunaan pengamal perhubungan awam sebagai panduan etika kerja semasa menjalankan tugas. Kerangka etika kerja Islam yang ingin dicadangkan tersebut perlu memenuhi Prinsip Maqasid Syariah yang melibatkan penjagaan lima unsur penting di dalam *Al-Dharuriyat Al-Khams* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

1.5 Kepentingan Kajian

Menurut Muhammad Mustakim et al. (2015), pembangunan dan kejayaan sesebuah organisasi adalah sangat bergantung kepada keadaan warga kerja yang berada di dalam organisasi tersebut. Jika semua warga kerja tersebut mempunyai etika kerja yang tinggi, ia akan dapat menyumbang kepada sebuah persekitaran kerja yang kondusif di samping dapat memberikan pulangan baik kepada kejayaan organisasi. Selain itu, kajian terdahulu juga telah membuktikan bahawa penjagaan dan peningkatan etika oleh golongan pekerja boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti (Wan Husin, 2012).

Kajian mengenai etika dalam perhubungan awam telah banyak dijalankan oleh para sarjana sama ada sarjana barat mahu pun sarjana tempatan. Sarjana seperti Grunig (2014) dan Syed Arabi (2016) telah membincangkan akan kepentingan dan keperluan etika untuk dijaga dan dititikberatkan dalam profesion perhubungan awam

melalui penulisan-penulisan ilmiah mereka. Ini menunjukkan bahawa etika sememangnya isu yang dianggap penting dalam profesion perhubungan awam sehingga ia menjadi isu yang sering dibincangkan dari semasa ke semasa. Namun, tidak banyak kajian yang melihat dengan mendalam mengenai etika perhubungan awam dari persepektif Islam. Maka, kajian ini sangat penting untuk dijalankan kerana ia menyentuh etika kerja perhubungan awam dari persepektif Islam secara meluas.

Kajian mengenai etika kerja Islam juga banyak dilakukan menggunakan pendekatan kuantitatif dan sangat sedikit kajian mengenai etika kerja Islam yang menggunakan pendekatan kualitatif (Muhammad Mustakim et al., 2015). Maka, adalah penting untuk mempelbagaikan kajian mengenai etika kerja Islam menggunakan pendekatan kualitatif agar kajian mengenai etika kerja Islam ini dapat dilihat secara menyeluruh. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam meneroka dan mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan berguna untuk dijadikan asas kepada kerangka etika kerja Islam yang berlandaskan kepada Prinsip Maqasid Syariah. Hal ini kerana, Prinsip Maqasid Syariah merupakan panduan yang digunakan dalam melancarkan tadbir urus sesebuah organisasi dan negara bagi menjamin kemaslahatan manusia bukan sahaja untuk urusan duniawi tetapi juga bagi kebahagiaan ukhrawi. Selain itu, penekanan kajian ini ke atas Prinsip Maqasid Syariah juga adalah sejajar dengan hasrat kerajaan Malaysia yang inginkan segala aspek pemerintahan dan pentadbiran berlandaskan kepada prinsip-prinsip Maqasid Syariah yang dituntut dalam Islam menampakkan akan kepentingan kajian ini untuk dijalankan (JAKIM, 2015).

Selain daripada itu, kajian ini mencadangkan kerangka etika berdasarkan Prinsip Maqasid Syariah dalam pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam yang boleh digunapakai sebagai panduan kod etika kerja semasa menjalankan

tugas. Hal ini kerana, kerangka etika yang dicadangkan adalah bersifat holistik yang bukan sahaja dapat memenuhi tuntutan duniawi malah memenuhi tuntutan ukhrawi seorang manusia itu. Di samping itu, kod etika yang dicadangkan tersebut juga adalah bersesuaian untuk digunapakai oleh semua pengamal perhubungan awam tidak kira agama, bangsa atau kerakyatan kerana ia dibentuk bersandarkan kepada Prinsip Maqasid Syariah yang ternyata bersifat menyeluruh dan memenuhi tuntutan setiap lapisan manusia (JAKIM, 2015, Muhammad Mustakim et al., 2015).

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memfokus kepada tiga perkara utama iaitu pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi berteraskan Islam, pengaruh etika kerja Islam dalam amalan perhubungan awam serta Prinsip Maqasid Syariah yang diamalkan oleh pengamal perhubungan awam dalam mempraktikkan etika kerja Islam. Dari segi pengaplikasian etika kerja Islam oleh pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi berteraskan Islam, pengkaji melihat dari sudut etika kerja Islam yang diaplikasikan oleh pengamal perhubungan awam sahaja tanpa melibatkan golongan pekerja di dalam profesion yang lain. Di samping itu, ia juga melibatkan pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi berteraskan Islam yang dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji sahaja tanpa penglibatan daripada pengamal perhubungan awam yang bertugas di organisasi bukan berteraskan Islam. Ini kerana pengkaji ingin memastikan maklumat yang didapati adalah tepat dan lebih menjurus kepada pengaplikasian etika kerja Islam. Senarai 10 organisasi berteraskan Islam yang terlibat tersebut adalah (1) Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM); (2) Al-Hijrah

Media Corporation; (3) Hospital Pusrawi; (4) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); (5) Telaga Biru Sdn Bhd; (6) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); (7) Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM); (8) Masjid Negara; (9) Darul Quran (DQ); serta (10) Kolej Islam Teknologi Pulau Pinang (KITAB).

Dari segi pengaruh etika kerja Islam dalam amalan profesion perhubungan awam pula, pengkaji ingin melihatkan sejauhmanakah etika kerja Islam membantu dan mempengaruhi pengamal perhubungan awam menjalankan tugas seharian mereka yang difokuskan kepada empat tugas dan peranan utama iaitu sebagai pakar penentu, fasilitator penyelesaian masalah, fasilitator komunikasi dan juruteknik komunikasi. Dari segi Prinsip Maqasid Syariah yang diamalkan oleh pengamal perhubungan awam dalam mempraktikkan etika kerja Islam pula adalah melibatkan kajian yang memfokus kepada lima prinsip utama di dalam Maqasid Syariah yang melibatkan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

1.7 Definisi Konseptualisasi

Menurut Baxter dan Babbie (2004), konseptualisasi merupakan proses di mana pengkaji menetapkan makna terhadap penggunaan idea atau istilah yang membawa maksud tertentu dalam kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, etika kerja Islam, pengamal perhubungan awam, organisasi berteraskan Islam serta Prinsip Maqasid Syariah merupakan idea dan istilah yang perlu diterangkan kerana ia membawa makna tertentu dalam kajian ini.

1.7.1 Etika Kerja Islam

Dalam konteks kajian ini, etika kerja Islam adalah merujuk kepada set kepercayaan moral yang dapat membantu pekerja untuk menguruskan tanggungjawab dan melaksanakan tugasnya dengan kebolehan terbaik yang ada padanya mengikut cara yang bersesuaian berlandaskan kepada kepercayaan dan nilai-nilai Islam. Ia juga bertitik tolak dari dimensi dalaman (rohani/jiwa) yang baik dan bersih di samping melihat bekerja itu sebagai ibadah serta bersifat universal yakni bersesuaian untuk diaplikasikan oleh seluruh masyarakat dunia tanpa mengira agama, warna kulit, bangsa dan keturunan (Miskawayh, 2014; Muhammad Mustakim et al., 2014; Wahibur, 2010).

1.7.2 Pengamal Perhubungan Awam

Dalam konteks kajian ini, 'pengamal perhubungan awam' merujuk kepada entiti penting dan penggerak utama di jabatan atau bahagian perhubungan awam sesebuah organisasi. Walaupun nama bagi jawatan pengamal perhubungan awam adakalanya sedikit berbeza bagi sesebuah organisasi kerana mengikut kepada keperluan, namun ia merujuk kepada individu serta bidang tugas dan amalan yang sama yakni bertanggungjawab mewujudkan perhubungan yang baik dan positif di antara organisasi dengan publik (Mohd Hamdan, 2010; Mohd Yahya, 2007).

1.7.3 Organisasi Berteraskan Islam

Organisasi berteraskan Islam adalah merujuk kepada organisasi-organisasi yang bertunjangkan kepada falsafah dan prinsip pembangunan berteraskan Islam yang bersifat holistik dan berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah, berlandaskan kepada tasawur Islam serta bersumberkan epistemologi Islam. Organisasi berteraskan Islam menyatupadukan aspek material dan aspek kerohanian di dalam semua kegiatan pembangunan organisasi meliputi pembangunan ibadah, pendidikan, pentadbiran, pengurusan, ekonomi, perundangan dan pembangunan lain yang berkaitan (Muhammad Syukri, 2002).

1.7.4 Prinsip Maqasid Syariah

Prinsip Maqasid Syariah adalah merujuk kepada penjagaan lima unsur penting di dalam *Al-Dharuriyat Al-Khams* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (JAKIM, 2015).

1.8 Rumusan Bab

Kajian ini diharapkan dapat memperbanyakkan lagi penyelidikan mengenai perhubungan awam dari perspektif Islam yang masih sangat sedikit diterokai dan dijalankan sehingga kini. Isu etika di dalam perhubungan awam dipilih untuk dikaji kerana isu ini merupakan satu isu yang sangat penting kerana ia boleh mempengaruhi pandangan khalayak terhadap profesion ini secara keseluruhannya. Hasil kajian ini dapat membantu pengamal perhubungan awam dalam menjalankan tugas secara

beretika melalui pengaplikasian etika kerja Islam yang berupaya membantu pengamal perhubungan awam menjalankan tugas dengan sebaiknya.

1.9 Susun Atur Tesis

Tesis ini mempunyai lima bab utama. Bab satu merupakan bab pengenalan yang menjelaskan idea keseluruhan yang ingin dikaji oleh pengkaji yang merangkumi sub topik seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi konseptualisasi, rumusan serta susun atur tesis.

Bab dua pula merupakan bab kajian literatur yang membincangkan kajian-kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan kajian yang dijalankan. Secara khususnya, kajian-kajian lepas yang berkaitan tersebut adalah mengenai etika kerja, etika kerja Islam, perhubungan awam serta organisasi berteraskan Islam di Malaysia. Di samping itu, bab dua juga membincangkan teori dan model yang digunakan dalam penyelidikan iaitu Teori Etika Miskawayh, Empat Model Perhubungan Awam oleh Grunig dan Hunt (1984) serta Maqasid Syariah.

Bab tiga merupakan bab metodologi kajian yang menjelaskan mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan. Ia melibatkan segala langkah dan prosedur yang diambil untuk memastikan segala objektif kajian tercapai yang merangkumi perkara seperti kaedah penyelidikan, reka bentuk penyelidikan, persampelan kajian, pengumpulan data serta analisis data.

Bab empat merupakan bab dapatan kajian. Ia membincangkan secara terperinci segala maklum balas yang diberikan oleh responden di mana data yang diperolehi dipersembahkan mengikut kepada lima persoalan kajian ini.

Bab lima pula adalah bab perbincangan dan kesimpulan yang merangkumi sub topik seperti perbincangan berdasarkan objektif kajian, perkaitan teori dengan kajian, kesimpulan secara keseluruhan, limitasi kajian serta cadangan penambahbaikan kajian ini di masa hadapan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kajian-kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan kajian yang dijalankan. Di samping itu, bab ini juga membincangkan teori yang digunakan dalam kajian. Secara khususnya, perbincangan di dalam bab ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang Etika Kerja, Etika Kerja Islam, Nabi Muhammad SAW Model Etika Islam, Etika Kerja Islam di Malaysia, Konsep Etika Kerja Islam, Prinsip dan Nilai Etika Kerja Islam serta Keberkesanan Pengapikasian Etika Kerja Islam.

Bahagian kedua membincangkan mengenai Perhubungan Awam, Sejarah dan Perkembangan Perhubungan Awam di Malaysia, Perhubungan Awam Luar Negara, Profesion Perhubungan Awam Masa Kini, Peranan dan Tugas Pengamal Perhubungan Awam serta Etika Perhubungan Awam. Bahagian ketiga pula membincangkan mengenai Organisasi Berteraskan Islam di Malaysia, manakala bahagian keempat membincangkan mengenai Kerangka Teori, Teori Etika Miskawayh, Empat Model Perhubungan Awam, Maqasid Syariah serta Kerangka Konseptual Kajian.

2.1 Etika Kerja

Konsep etika telah lama dibincangkan dan diperjelaskan dalam Islam menerusi al-Quran. Kisah yang masyur mengenai etika adalah tentang perbalahan dua orang individu di era permulaan kewujudan manusia berkurun yang lalu iaitu kisah Habil dan Qabil. Kisah tersebut telah memberikan tauladan dan pedoman buat manusia tentang kepentingan etika dalam menjalankan sesuatu pekerjaan yang telah diamanahkan. Tindakan Habil yang mempersembahkan hasil tanaman yang buruk tidak membolehkannya untuk menikahi adik perempuannya, dan beliau kemudian telah mengambil tindakan untuk membunuh Qabil. Sikap tidak beretika dalam menjalankan tugas boleh mendatangkan kesan negatif bukan sahaja kepada individu tersebut malahan turut mendatangkan kesan kepada sesiapa sahaja yang berada di persekitarannya (Muhammad Mustakim et al., 2014).

Etika kemudiannya berkembang dalam tamadun Yunani Greek yang dibincangkan oleh Protagoras, Socrates, Plato dan Aristotle. Etika atau *ethic* adalah perkataan bahasa Inggeris yang berasal daripada bahasa Greek iaitu '*ethikos*' yang bermaksud moral dan '*ethos*' yang bermaksud sikap atau adat (Garner, 1986). Kajian mengenai etika kerja mula diperkenalkan oleh ilmuan barat bermula pada tahun 1970-an yang teretus ekoran daripada kesedaran para pekerja yang mula menuntut hak mereka daripada majikan di era kebangkitan zaman perindustrian di Eropah (Muhammad Mustakim et al., 2014).

Menurut Nor' Azzah Kamri (2006), etika merupakan satu set nilai, norma serta asas moral yang menentukan dan membezakan sesuatu tindakan individu itu sama ada ia positif atau negatif. Etika kerja pula boleh dijadikan panduan tingkah laku di tempat

kerja di samping prinsip dan nilainya akan menjadi pegangan kepada setiap kakitangan organisasi (Nor‘Azzah Kamri, 2006).

Dalam konteks pentadbiran organisasi, etika merupakan perkara yang penting kerana kejayaan dan kemajuan organisasi bergantung kepada kesedaran terhadap etika serta sahsiah yang baik dalam kalangan warga kerjanya (Sharifah Hayaati, 2008). Nilai-nilai etika yang positif adalah penting untuk mengelakkan daripada terjadinya perkara buruk dalam pentadbiran organisasi seperti penipuan, rasuah, pecah amanah dan sebagainya (Sharifah Hayaati, 2008). Menurut Deon Rossouw et al. (2011), organisasi yang memiliki nilai-nilai dan etika yang kukuh, menghidupkan serta mengamalkan etika-etika tersebut di dalam organisasi mahupun ketika berurusan dengan organisasi luar yang berkepentingan boleh dianggap sebagai sebuah organisasi yang beretika.

Menurut Hasan Ayyub (1994), etika kerja adalah fungsi utama dalam pengurusan organisasi kerana etika kerja penting untuk mengawal tingkah laku kakitangan dalam sesebuah organisasi tersebut. Kakitangan organisasi telah diperkenalkan dengan kewajiban mengaplikasikan etika kerja seperti amanah, bertanggungjawab, peramah, bersabar dalam menjalankan tugas mereka. Namun, kakitangan organisasi dilihat masih gagal untuk mengaplikasikan etika kerja yang diperkenalkan tersebut. Ini berkemungkinan wujudnya fenomena negatif dalam persekitaran organisasi yang semakin berleluasa pada masa kini seperti pecah amanah, gangguan seksual, pergaduhan, layanan yang tidak mesra pelanggan dan pelbagai perkara lain yang bercanggah dengan etika kerja (Nurhidayah, 2015).